

22/09/2003

Ensiklopedia Perdana Menteri bakal jadi sumber rujukan

Hasliza Hassan

ENSIKLOPEDIA Perdana Menteri, bahan yang menghimpunkan susunan pemikiran dan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bakal menjadi sumber rujukan lengkap dalam pelbagai cabang ilmu.

Kehebatan serta pengaruh Perdana Menteri tidak dapat dinafikan kerana selepas diiklankan, buku itu menerima tempahan 30,000 set daripada syarikat penerbitan seluruh dunia.

Ensiklopedia Perdana Menteri diterbitkan dan dicetak secara jalinan kerjasama syarikat penerbitan tempatan Darulfikir Sdn Bhd dengan syarikat penerbitan terkenal berpusat di Mesir, Dar Al Kitab Al Masri.

Buku yang diilhamkan pemilik Dar Al Kitab Al Masri, Hasan El-Zein, dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak, Selangor, malam kelmarin.

Buku berkenaan juga akan dilancarkan di Universiti Oxford pada 23 September ini selepas Perdana Menteri menyampaikan ucapannya di sana.

Idea menghasilkan Ensiklopedia Perdana Menteri tercetus atas kesedaran Hasan mengenai pentingnya pemikiran dan kepemimpinan Dr Mahathir dihayati serta dicontohi oleh masyarakat antarabangsa.

Hasan kagum dengan daya pemikiran Dr Mahathir yang setanding ilmuwan dan tokoh terbilang Islam dulu seperti Ibnu Khaldun dan Ibnu Sina, yang karya mereka masih diulang cetak hingga masa kini.

Malah, tidak mustahil Ensiklopedia Perdana Menteri bakal diulang cetak pada masa akan datang kerana ternyata pemikiran Dr Mahathir relevan dengan perkembangan semasa dunia.

Ensiklopedia 10 jilid itu mengandungi tulisan serta teks ucapan Dr Mahathir mengenai pelbagai topik antaranya Islam dan umat Muslim; Cabaran; Asia; Globalisasi; Malaysia; Globalisasi dan Realitinya; Sains, Teknologi dan Hak Asasi Manusia; Politik, Demokrasi dan Asia Baru; Pembangunan dan Kerjasama Serantau dan isu kontemporari.

Ensiklopedia dalam tiga versi bahasa Inggeris, Arab serta gabungan bahasa Inggeris dan Arab dijual dengan harga antara RM1,300 hingga RM2,200 setiap set.

Usaha mengumpul serta menyusun isi kandungan Ensiklopedia Perdana Menteri dimulakan sejak awal 2002 dan siap sepenuhnya Ogos lalu dan akan berada di pasaran sebaik selepas dilancarkan.

Pengarah Urusan Darulfikir, Mohd Zaki Ahmad, berkata Dr Mahathir mempunyai ramai peminat serta pengikut yang kagum dengan kebolehan serta kemampuan beliau menguasai pelbagai bidang.

Katanya, pemilihan topik dan teks ucapan yang dimuatkan dalam ensiklopedia itu dibuat sendiri oleh Dr Mahathir yang turut memberi sepenuh kerjasama melancarkan proses penghasilan ensiklopedia berkenaan.

Beliau berkata, bahasa Inggeris juga dipilih oleh Dr Mahathir yang ingin meningkatkan penguasaan bahasa itu dan sebagai strategi menembusi pasaran antarabangsa.

"Ensiklopedia ini boleh dijadikan rujukan pemimpin negara lain yang ingin mengetahui corak kepemimpinan Dr Mahathir hingga berjaya menjadikan Malaysia negara maju dan contoh yang dihormati.

"Ada juga kritikan tajam Dr Mahathir dalam isu globalisasi dan penjelasan beliau mengenai perubahan pendapat terhadap bentuk dominasi dalam fenomena dunia hari ini," katanya.

Mohd Zaki berkata, ensiklopedia itu akan diterjemahkan dalam bahasa Malaysia oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia dengan penambahan lebih banyak isu dalam negara dan dijangka siap pertengahan tahun depan.

Selain itu, ia akan diterjemahkan ke bahasa lain seperti China, Urdu dan Perancis yang mana proses penterjemahan dilakukan oleh syarikat penerbitan

terkenal di negara berkenaan.

Darulfikir turut bercadang menterjemahkan ensiklopedia itu ke bahasa Jepun atas permintaan syarikat penerbitan di sana yang menerima banyak tempahan daripada rakyat tempatan yang mengagumi Dr Mahathir.

Mohd Zaki berkata, menjadi harapan beliau dan pencetus idea, Hasan, agar ilmu yang tidak ternilai dalam Ensiklopedia Perdana Menteri dimanfaatkan oleh semua pihak yang dahagakan bentuk pemikiran moden dan ke hadapan.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin negara, ahli politik, pakar ekonomi, ahli perniagaan, agensi kerajaan dan swasta, badan badan kerajaan, pusat sumber, perpustakaan dan sekolah perlu memiliki set ensiklopedia itu.

Katanya, sebagai kemudahan mereka yang tidak berkemampuan tetapi ingin memiliki set yang kaya dengan ilmu itu, Darulfikir menyediakan perkhidmatan bayaran secara ansuran.

"Mereka berminat boleh menghubungi Darulfikir dan bagi syarikat yang berniat membeli serta mendermakan set ensiklopedia itu kepada pihak tertentu, kita tawarkan harga berpatutan," katanya.